



مجلس باندراي ملاك برسجاره  
**MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH**  
**BANDARAYA WARISAN DUNIA**

**KENYATAAN SEBUT HARGA**

Sebut harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam gred, kategori dan pengkhususan yang berkaitan serta berdaftar dengan **Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)** dan masih dibenarkan membuat sebutharga pada masa ini dan tempoh sah laku sijil-sijil sekurang-kurangnya tiga (3) bulan semasa tarikh tutup sebutharga bagi kerja-kerja berkaitan:-

BUTIR-BUTIR SEBUT HARGA	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA & TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN TEMPAT TAKLIMAT	TARIKH & TEMPAT SEBUT HARGA DITUTUP
<b>MBMB/SH/2023/98</b> <b>KERJA MEMBINA DAN MENYIAPKAN PELANTAR SERTA LAIN-LAIN KERJA BERKAITAN BERHAMPIRAN BANGUNAN STADTHUYS, BANDA HILIR, MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH</b>  Tarikh Kelulusan : <b>28/06/2023</b>  No. Fail Jabatan : <b>MBMB/JK/00805(P)</b>	<b><u>LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA</u></b>  Gred G1 (Daerah Melaka Tengah)  Kategori B  Pengkhususan B04	<b><u>HARGA</u></b>  <b>RM10.00</b> <b>* Tidak akan dikembalikan</b>  <b><u>TARIKH</u></b>  <b>4 Julai 2023 (Selasa) sehingga 11 Julai 2023 (Selasa)</b>	<b>TIADA</b>  *(Penyebut harga diminta melihat sendiri keadaan tapak bagi proses mengisi harga dan segalanya adalah atas tanggung jawab sendiri)	<b><u>TARIKH</u></b>  <b>11 Julai 2023 (Selasa) pada jam 12.00 tengahari</b>  Serahan tangan : Peti Tawaran, Lobi Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.  -----  Perkhidmatan Pos Berdaftar / Kurier : Bahagian Perolehan, Jabatan Kewangan, Aras Bawah, Graha Makmur, No. 1, Jalan Tun Abdul Razak – Ayer Keroh, Hang Tuah Jaya, 75450 Melaka.

Naskah sebutharga serta keterangan lanjut **HANYA** boleh dimuat turun dari **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** yang boleh dicapai melalui alamat <https://stom.melaka.gov.my>. Sebutharga dianggap **BATAL** dan tidak akan dipertimbangkan sekiranya pembekal membuat salinan pendua daripada dokumen sebutharga yang asal.

Syarikat perlu membuat dan melengkapkan pendaftaran akaun serta langganan di **Sistem Tender Online Melaka (STOM)** dengan caj langganan sebanyak RM50.00 setahun dan membuat pembelian dokumen sebutharga secara dalam talian dengan harga RM10.00 bermula pada **4 Julai 2023 (Selasa) sehingga 11 Julai 2023 (Selasa)**.

Dokumen sebutharga yang telah lengkap hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat bermeteri dan dihantar secara serahan tangan serta dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di pejabat **MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH (Lobi Jabatan Kewangan)**. Jika sebutharga dihantar menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier, pembekal hendaklah memastikan dokumen selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup sebutharga selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan dalam urusan tidak akan dilayan.

Dengan kebenaran,  
**DATUK BANDAR**  
**Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah**

sk : Datuk Bandar  
Setiausaha Bandaraya  
PK  
Ketua Audit Dalam